


**PEMBINGKAIAN BERITA PORTAL BERITA  
*FREE MALAYSIA TODAY* DAN *MALYSIAKINI*  
SEMASA PILIHAN RAYA KECIL  
ROMPIN DAN PERMATANG PAUH 2015**

**NOOR ZAFIRA MOHD SHAFIE**

 **TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH SARJANA  
SASTERA**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2020**

# UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **PEMBINGKAIAN BERITA PORTAL BERITA FREE MALAYSIA TODAY DAN MALAYSIAKINI SEMASA PILIHANRAYA KECIL ROMPIN DAN PERMATANG PAUH 2015**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA SASTERA**

BIDANG : **KOMUNIKASI**

Saya **NOOR ZAFIRA MOHD SHAFIE**, sesi **2015-2020**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
4. Sila tandakan (/):

- SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA 1972)
- TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan di jalankan)
- TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh:

**ALBERTO ANING**

PUSTAKAWAN KANAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)



-----  
**NOOR ZAFIRA MOHD SHAFIE**  
**MA1511019T**

Tarikh: 4 Disember 2020




-----  
Dr. Haryati Abdul Karim  
(Penyelia Utama)

# PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya saya telah jelaskan sumbernya.

18 NOVEMBER 2020



---

NOOR ZAFIRA MOHD SHAFIE  
MA1511019T



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# PENGESAHAN

NAMA PELAJAR : NOOR ZAFIRA MOHD SHAFIE

NO. MATRIK : MA1511019T

TAJUK TESIS : **PEMBINGKAIAN BERITA PORTAL BERITA *FREE MALAYSIA TODAY* DAN *MALAYSIAKINI* SEMASA PILIHAN RAYA KECIL ROMPIN DAN PERMATANG PAUH 2015**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA SASTERA (KOMUNIKASI)**

TARIKH VIVA : **23 OKTOBER 2020**



DISAHKAN OLEH

UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1. **PENYELIA UTAMA**  
Dr. Haryati Abdul Karim

Tandatangan

2. **PENYELIA BERSAMA**  
Dr. Norhuda Salleh

## PENGHARGAAN

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani*

Syukur ke hadirat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya tesis ini berjaya disiapkan walau dengan pelbagai rintangan serta kekangan yang melanda. Alhamdulillah.

Sejuta penghargaan kepada ahli keluarga yang menyokong usaha melanjutkan pengajian, nenek tersayang, Halijah Din dan Chah Mat yang sentiasa positif dalam memberi sokongan moral dan kewangan, ibunda Rokiah Hashim dan adinda Mohamad Nur Haqim Mohd Shafie, penyelia tercinta yang bersengkang mata dan tenaga untuk membimbing saya, Dr. Haryati Abdul Karim, Dr Norhuda Salleh dan rakan-rakan terdekat yang membantu sepanjang tempoh masa saya menjalankan kajian dan menyempurnakan tesis ini bermula dari September 2015. Tidak dilupakan juga ayahanda dihormati, Dr. Syahrudin Hj. Awang Ahmad yang tidak henti-henti memberi tunjuk ajar dan sokongan selaku pensyarah Komunikasi. Turut serta sentiasa memberi sokongan moral, rakan-rakan wartawan, Jerry Kamijan selaku Ketua Penyunting *New Sabah Times* merangkap guru saya di alam pekerjaan media dan adinda Eyebee yang setia menjadi peneman siang malam semasa proses menyiapkan kajian ini dilakukan. Kepada semua yang menjadi sumber kekuatan dari jauh, sesungguhnya anda adalah permata yang menjadi sinar kejayaan saya.

Doa dan dorongan dari anda semua sama ada yang terlibat membantu. Semoga jasa anda mendapat redha dan kurnia dari Allah. Jutaan penghargaan dan sekalung budi turut diucapkan kepada semua pendidik Program Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan diatas kerjasama yang diberikan kepada saya sepanjang tempoh saya menyempurnakan kajian ini. Akhir kata, ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang kajian ini dijalankan. Jasa dan perhatian anda semua amat saya hargai dan akan dikenang selamanya. Diharapkan segala usaha dan kerjasama anda kepada saya akan dilimpahkan rahmat dan kurnia dari Yang Maha Esa dan semoga kajian ini mampu menyumbang kepada bidang pengajian dan masyarakat umum. InsyAllah.

Noor Zafira Mohd Shafie  
18 November 2020

## ABSTRAK

Kajian analisis kandungan berita ini dijalankan dengan meneliti dua buah portal berita alternatif iaitu *Free Malaysia Today* dan *malaysiakini*. Kajian ini dijalankan bagi melihat perbezaan bingkai berita yang digunakan, mengenalpasti bingkai-bingkai berita yang digunakan dan mengenalpasti struktur sintaksis, skrip, retorik dan tematik dalam liputan berita *Free Malaysia Today* dan *malaysiakini*. Kajian ini dijalankan dengan meneliti kepada model pbingkaian Pan dan Kosicki (1993). Pengkaji merangka borang pengkodan bagi tujuan rekod dan analisis struktur pbingkaian. Sebanyak 154 item berita telah dikenalpasti berkaitan dengan isu Pilihan Raya Kecil Rompin dan Permatang Pauh 2015. Selain itu, pengkaji turut mengenalpasti 15 buah bingkai berita yang digunakan oleh kedua-dua portal berita. Berdasarkan analisis struktur pbingkaian (sintaksis, teks berita, tematik dan retorik), pengkaji mendapati bahawa portal berita alternatif mengamalkan corak pemberitaan beretika yang memberi ruang kepada semua pihak dalam liputan beritanya. Struktur sintaksis teks berita dan tematik memainkan peranan penting dalam mewujudkan makna dan kefahaman mendalam terhadap laporan berita. Struktur retorik pula berfungsi sebagai pemberi makna dan penambahan kepada laporan berita.



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



## **ABSTRACT**

### **(FREE MALAYSIA TODAY AND MALAYSIAKINI NEWS FRAMING DURING ROMPIN AND PERMATANG PAUH BY- ELECTION 2015)**

*Different news articles about the same topic often offer a variety of perspectives. An article written about by-election might emphasize government power, candidates, political campaign and many more. In communication research, the different perspectives are known as 'frames', which, when used in news media will influence the opinion of their readers in multiple ways. In this content analysis study, researcher had devised coding coding sheet form as an instrument to examines two alternatives news portals namely Free Malaysia Today and malaysiakini, by referring to Pan and Kosicki (1993) framing model. The aim for the study was to identify the frames and differences between Free Malaysia Today and malaysiakini. The researcher wanted to identify the syntactic structure, news script, thematics and rhetorics in the news reports of both portals. A total of 154 news items about the Rompin and Permatang Pauh 2015 by-elections had been identified. 15 news frames had been identified in the news reports of both portals. Based on the framing analysis (syntactic structure, news script, thematic and rhetoric), researcher found that both portals adopt an ethical reporting pattern and provide space for all parties in their news reports. Syntactic structure, news text and thematic structure plays an important role in creating meaning and provide in-depth understanding, while rethorical structure serves as nuances and additional meaning to news reports.*

# SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiv
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian: Mediakap dan Kajian Pembinguakaan	2
1.3 Portal Berita	9
1.4 Pilihan Raya dan Media	12
1.5 Penyataan Masalah	13
1.6 Objektif Kajian	14
1.7 Skop Kajian	14
1.8 Kesimpulan	16
<b>BAB 2: SOROTAN LITERATUR</b>	
2.1 Pendahuluan	18
2.2 Konsep Pembinguakaan	18
2.3 Tinjauan Kajian Pembinguakaan Berita	31
2.4 Kerangka Teoritikal	42
2.5 Pengkonsepan	43



2.5.1	Pembingkaian	43
2.5.2	Berita	44
2.5.3	Bingkai Berita	45
2.5.4	Sintaksis	45
2.5.5	Skrip	46
2.5.6	Tematik	46
2.5.7	Retorik	47
2.6	Kesimpulan	47

### **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	48
3.2	Analisis Kandungan	48
3.3	Persampelan	51
3.4	Tatacara Pengumpulan Data	53
3.5	Tatacara Analisis Data	54
3.6	Instrumen Kajian	56
3.7	Pengoperasian	57
3.7.1	Bingkai Berita	57
3.7.2	Sintaksis	59
3.7.3	Skrip Berita	59
3.7.4	Tematik	60
3.7.5	Retorik	61
3.8	Kesimpulan	62

### **BAB 4: DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	64
4.2	Liputan Berita Pilihan Raya Kecil Rompin dan Permatang Pauh 2015 dalam Portal Berita <i>Free Malaysia Today</i> dan <i>malaysiakini</i>	65
4.3	Bingkai Berita Pilihan Raya Kecil Rompin dan Permatang Pauh 2015 dalam Portal Berita <i>Free Malaysia Today</i> dan <i>malaysiakini</i>	66

4.4	Struktur Sintaksis dalam Teks Berita Pilihan Raya Kecil Rompin dan Permatang Pauh 2015 dalam Portal Berita <i>Free Malaysia Today</i> dan <i>malaysiakini</i>	72
4.4.1	Tajuk Berita dalam Portal Berita <i>Free Malaysia Today</i> dan <i>malaysiakini</i>	72
4.4.2	Sumber Berita dalam Portal Berita <i>Free Malaysia Today</i> dan <i>malaysiakini</i>	75
4.5	Struktur Skrip Berita (5W 1H) dalam Teks Berita Pilihan Raya Kecil Rompin dan Permatang Pauh 2015 dalam Portal Berita <i>Free Malaysia Today</i> dan <i>malaysiakini</i>	80
4.5.1	Analisis Skrip Berita	83
4.6	Struktur Tematik dalam Teks Berita Pilihan Raya Kecil Rompin dan Permatang Pauh 2015 dalam Portal Berita <i>Free Malaysia Today</i> dan <i>malaysiakini</i>	92
4.6.1	Analisis Struktur Tematik	94
4.7	Truktur Retorik dalam Teks Berita Pilihan Raya Kecil Rompin dan Permatang Pauh 2015 dalam Portal Berita <i>Free Malaysia Today</i> dan <i>malaysiakini</i>	111
4.7.1	Analisis Struktur Retorik	113
4.8	Kesimpulan	118

## **BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN**


5.1	Pendahuluan	120
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	121
5.3	Pembingkajian dalam Laporan Berita	130
5.4	Batasan Kajian	132
5.5	Cadangan	133
5.6	Kesimpulan	135
	<b>RUJUKAN</b>	137
	<b>LAMPIRAN</b>	147

## SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1:	Struktur Pembangkaian Menurut Pan dan Kosicki (1993)	29
Jadual 2:	Item Berita yang dianalisis dari Portal Berita	52
Jadual 3:	Proses Pengumpulan Data	54
Jadual 4:	Bingkai-Bingkai Berita yang Dikaji oleh Sarjana-Sarjana Lalu dan Diadaptasi dalam Kajian	58
Jadual 5:	Pembolehubah dalam Struktur Sintaksis	59
Jadual 6:	Bentuk-Bentuk Koherensi	60
Jadual 7:	Aspek-Aspek Penelitian dalam Struktur Retorik	61
Jadual 8:	Kekerapan Liputan Berita Pilihan Raya Kecil Rompin dan Permatang Pauh 2015 dalam Portal Berita <i>Free Malaysia Today</i> dan <i>malaysiakini</i>	65
Jadual 9:	Kekerapan Bingkai Berita Pilihan Raya Kecil Rompin dan Permatang Pauh 2015 dalam Portal Berita <i>Free Malaysia Today</i> dan <i>malaysiakini</i>	66
Jadual 10:	Perbandingan Kekerapan Bingkai Berita dalam Portal Berita <i>Free Malaysia Today</i> dan <i>malaysiakini</i>	68
Jadual 11:	Perbandingan Kekerapan Nada Tajuk Berita dalam Portal Berita <i>Free Malaysia Today</i> dan <i>malaysiakini</i>	73
Jadual 12:	ImContoh Nada Tajuk Berita yang Dipaparkan dalam Liputan Berita Pilihan Raya Kecil Rompin dan Permatang Pauh 2015 dalam Portal Berita <i>Free Malaysia Today</i> dan <i>malaysiakini</i>	74
Jadual 13:	Kekerapan Sumber Berita yang Digunakan oleh portal Berita <i>Free Malaysia Today</i> dan <i>malaysiakini</i>	76
Jadual 14:	Perbandingan kekerapan Sumber berita yang Digunakan oleh Portal Berita <i>Free Malaysia Today</i> dan <i>malaysiakini</i>	78

Jadual 15:	Kekerapan 5W 1H dalam Teks Berita Pilihan Raya Kecil Rompin dan Permatang Pauh 2015 dalam Portal Berita <i>Free Malaysia Today</i> dan <i>malaysiakini</i>	80
Jadual 16:	Perbandingan kekerapan 5W 1H dalam Teks Berita Pilihan Raya Kecil Rompin dan Permatang Pauh 2015 dalam Portal Berita <i>Free Malaysia Today</i> dan <i>malaysiakini</i>	81
Jadual 17:	Analisis Skrip Berita bagi Artikel 1	83
Jadual 18:	Analisis Skrip Berita bagi Artikel 2	84
Jadual 19::	Analisis Skrip Berita bagi Artikel 3	85
Jadual 20:	Analisis Skrip Berita bagi Artikel 4	85
Jadual 21:	Analisis Skrip Berita bagi Artikel 5	86
Jadual 22:	Analisis Skrip Berita bagi Artikel 6	87
Jadual 23:	Analisis Skrip Berita bagi Artikel 7	88
Jadual 24:	Analisis Skrip Berita bagi Artikel 8	89
Jadual 25:	Analisis Skrip Berita bagi Artikel 9	90
Jadual 26:	Analisis Skrip Berita bagi Artikel 10	91
Jadual 27:	Kekerapan Struktur Tematik dalam Liputan Berita Pilihan Raya Kecil Rompin dan Permatang Pauh 2015 dalam Portal Berita <i>Free Malaysia Today</i> dan <i>malaysiakini</i>	93
Jadual 28:	Perbandingan Struktur Tematik dalam Liputan Berita <i>Free Malaysia Today</i> dan <i>malaysiakini</i> semasa Pilihan Raya Kecil Rompin dan Permatang Pauh 2015	93
Jadual 29:	Analisis Struktur Tematik bagi Artikel 1	94
Jadual 30:	Analisis Struktur Tematik bagi Artikel 2	95
Jadual 31:	Analisis Struktur Tematik bagi Artikel 3	96
Jadual 32:	Analisis Struktur Tematik bagi Artikel 4	97
Jadual 33:	Analisis Struktur Tematik bagi Artikel 5	98
Jadual 34:	Analisis Struktur Tematik bagi Artikel 6	101
Jadual 35:	Analisis Struktur Tematik bagi Artikel 7	103
Jadual 36:	Analisis Struktur Tematik bagi Artikel 8	104
Jadual 37:	Analisis Struktur Tematik bagi Artikel 9	107

Jadual 38:	Analisis Struktur Tematik bagi Artikel 10	110
Jadual 39:	Kekerapan Struktur Retorik dalam Liputan Berita <i>Free Malaysia Today</i> dan <i>malaysiakini</i> semasa Pilihan Raya Kecil Rompin dan Permatang Pauh 2015	111
Jadual 40:	Perbandingan Struktur Retorik dalam Liputan Berita <i>Free Malaysia Today</i> dan <i>malaysiakini</i> semasa Pilihan Raya Kecil Rompin dan Permatang Pauh 2015	112
Jadual 41:	Analisis Struktur Retorik bagi Artikel 1	113
Jadual 42:	Analisis Struktur Retorik bagi Artikel 2	113
Jadual 43:	Analisis Struktur Retorik bagi Artikel 3	114
Jadual 44:	Analisis Struktur Retorik bagi Artikel 4	114
Jadual 45:	Analisis Struktur Retorik bagi Artikel 5	115
Jadual 46:	Analisis Struktur Retorik bagi Artikel 6	116
Jadual 47:	Analisis Struktur Retorik bagi Artikel 7	116
Jadual 48:	Analisis Struktur Retorik bagi Artikel 8	117
Jadual 49:	Analisis Struktur Retorik bagi Artikel 9	117
Jadual 50:	Analisis Struktur Retorik bagi Artikel 10	118



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



# SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1: Skop Kajian	15
Rajah 2: Proses Pembinkaian Menurut Entman (1993)	23
Rajah 3: Model Pembinkaian Pan dan Kosicki (1993) yang akan dikaji	42



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI SINGKATAN

Pilihan Raya Kecil	<b>PRK</b>
Barisan Nasional	<b>BN</b>
Parti Keadilan Rakyat	<b>PKR</b>
Parti Islam SeMalaysia	<b>PAS</b>
Suruhanjaya Pilihan Raya	<b>SPR</b>
Polis DiRaja Malaysia	<b>PDRM</b>
<i>Free Malaysia Today</i>	<b>FMT</b>
<i>malysiakini</i>	<b>MK</b>



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A: Borang Pengekoden	147
Lampiran B: Artiikel 1	148
Lampiran C: Artikel 2	149
Lampiran D: Artikel 3	151
Lampiran E: Artikel 4	152
Lampiran F: Artikel 5	153
Lampiran G: Artikel 6	155
Lampiran H: Artikel 7	156
Lampiran I: Artikel 8	157
Lampiran J: Artikel 9	158
Lampiran K: Artikel 10	159



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Pendahuluan

Kajian ini adalah kajian pbingkaihan liputan berita yang dibuat untuk melihat secara mendalam corak liputan berita oleh portal berita *Free Malaysia Today* dan *malaysiakini* semasa Pilihan Raya Kecil Rompin dan Permatang Pauh 2015. Bab ini akan membincangkan pengenalan terhadap apa itu pbingkaihan berita, portal berita *Free Malaysia Today* dan *malaysiakini* serta Pilihan Raya Kecil Rompin dan Permatang Pauh 2015. Seterusnya, bab ini juga akan membincangkan pernyataan masalah kajian ini berserta dengan objektif kajian dan skop kajian.

Kajian pbingkaihan liputan berita khasnya yang mengkhususkan kepada liputan berita yang dibuat oleh portal berita wajar dijalankan kerana perkembangan teknologi semasa telah membuka ruang kepada portal berita sebagai medium baharu penyampaian berita. Perubahan mediaskap masa kini yang semakin mengikut keadaan semasa teknologi maklumat turut menjadikan medium penyampaian berita itu bukan sekadar terhad dalam bentuk media konvensional seperti akhbar semata-mata. Hal ini boleh dilihat dalam kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik terdahulu seperti Amira Sariyanti (2014), Lumsden (2013) dan Bro dan Wallberg (2014) yang mengkaji tentang liputan berita portal berita.

Kajian pbingkaihan telah dijalankan oleh pengkaji dari pelbagai bidang dan disiplin termasuk akademik (D'Angelo, 2002; Shah, Domke & Wackman, 1996). Kajian pbingkaihan juga berkembang dan menghasilkan dapatan kajian daripada sudut kognitif dan konstruktif (D'Angelo, 2002); sosiologi, ekonomi, psikologi, linguistik dan

komunikasi (Sheufele & Tewsbury, 2007) dan sains politik serta pengajian media (Hertog & McLeod, 2001).

Pembingkaian berita merupakan satu aspek yang berkaitan dengan persembahan isu dalam berita (Vreese, 2002). Menurut Pan dan Kosicki (1993), konsep pembingkaian adalah melibatkan gabungan aspek psikologi yang mana cara penempatan maklumat atau mesej dalam sesuatu konteks khusus dengan elemen tertentu untuk membuatnya lebih menonjol dalam kognisi seseorang, dengan aspek sosiologi yang melibatkan proses bagaimana seseorang mengklasifikasikan, menyusun dan mentakrif pengalaman sosialnya untuk memahami diri dan realiti. Sarjana Pan dan Kosicki (1993) turut menjelaskan bahawa terdapat empat struktur dalam pembingkaian iaitu sintaksis, skrip, tematik dan retorik.

## **1.2 Latar Belakang Kajian: Mediaskap dan Kajian Pembingkaian**

Bertitik-tolak dari awal pengenalan persuratkhabaran di Malaysia sehinggalah terkini, kemunculan portal berita secara dalam talian di internet, mediaskap di Malaysia menyaksikan suatu perubahan yang dramatik (Lee & Mohd Safar, 2016). Kedua-dua sarjana ini turut mengatakan bahawa mediaskap Malaysia masa kini adalah terdiri daripada pelbagai bentuk. Media masa kini tidak hanya tertakluk kepada media cetak seperti surat khabar atau media elektronik seperti televisyen dan radio semata-mata, malahan audiens juga mempunyai lebih banyak pilihan mengikut citarasa dan kemampuan dalam memilih media terutama dengan kemunculan media baharu seperti portal berita yang menyediakan platform informasi berita lebih pantas secara dalam talian.

*"Rata-rata khalayak media ini terdiri daripada masyarakat Malaysia yang modern dan moderate. Saluran-saluran media yang boleh ditemui di Malaysia kini boleh dikategorikan berdasarkan beberapa cara seperti media arus perdana atau media alternatif, akhbar kualiti atau akhbar popular, broadsheet ataupun tabloid*



*ataupun media cetak dengan media elektronik, media prestij atau sebagainya”*  
(Lee & Mohd Safar, 2016, halaman 3)

Pengisian kandungan media menyentuh hampir semua hal bagi seseorang individu atau sesebuah kumpulan bersaing bagi mendapatkan kesahan (Lee & Mohd Safar, 2016). Menurut penelitian sarjana-sarjana ini, kemunculan internet turut menambah keserian mediaskap di Malaysia dan hal ini turut bergerak seiring dengan kemunculan portal berita sebagai satu akses media yang melaporkan berita kepada audiens. Hal ini sekaligus turut mengubah cara audiens dalam berurusan dengan berita akhbar kerana mereka boleh mendapatkan berita melalui versi dalam talian (Lee & Mohd Safar, 2016).

Sarjana Mohd Shamsul Daud *et. al* (2009) mengatakan bahawa media cetak telah menjadi satu kaedah penyebaran maklumat yang digunapakai secara konvensional sejak awal dan revolusi perkembangan medium penyebaran maklumat yang diperluaskan oleh teknologi maklumat telah memulakan era baru dalam penyebaran maklumat. Hal ini termasuk dengan kewujudan aplikasi dalam talian. Kewujudan internet sekaligus memberi ruang baharu kepada demokrasi dan bukan sekadar tertakluk untuk ruang interaksi dalam komunikasi politik semata-mata (Schulz, 2004; Schulz *et. al* 2005 & Papacharissi, 2004). Lumsden (2013) mengatakan bahawa pergerakan media arus perdana khususnya media konvensional dan kewujudan media dalam talian seperti portal berita telah memperkenalkan corak baharu dalam paparan dan penerimaan berita. Lumsden (2013) menjelaskan bahawa ruang yang diberi oleh berita dalam talian kepada audiens untuk perbincangan terbuka dan membentuk ruang demokrasi baharu kerana wujud komunikasi dua hala antara penyedia berita (portal berita) dan audiens.

Justeru, mediaskap semasa yang telah berubah pada masa kini turut menimbulkan persoalan tentang bagaimana kriteria liputan berita khasnya yang dibuat oleh portal berita semasa melaporkan berita semasa pilihan raya. Pada masa yang sama, maklumat berita yang dilaporkan oleh portal berita turut mempunyai matlamat yang serupa dengan media konvensional seperti akhbar iaitu melaporkan berita kepada

audiens. Amira Sariyanti (2014) mengatakan bahawa mediaskap semasa khususnya dalam aspek corak penyampaian berita adalah sebagai satu kesan kepada pertumbuhan pantas hasil daripada perkembangan teknologi semasa. Namun adakah perubahan pada mediaskap yang berkembang seiring teknologi ini memberi perbezaan kepada corak pementakan liputan berita yang dibuat oleh media-media baharu seperti portal berita?

Mohd Faizal (2016) mengatakan persekitaran media yang terhad di Malaysia turut membawa kepada kemunculan portal berita seperti *malaysiakini* yang membawa sumbangan besar untuk memberi suara bagi pihak yang terpinggir. Portal berita yang beroperasi dengan konsep amalan jurnalistik moden yang lebih bersifat objektiviti juga membuka ruang kepada liputan bagi semua pihak khususnya dalam kontroversi politik dan dalam pemberitaan yang tidak berpihak (Mohd Faizal, 2016).

Meneliti kepada mediaskap semasa juga, audiens masa kini turut menjadikan portal berita sebagai sumber bagi mereka mengetahui maklumat semasa. Menurut kajian dan tinjauan yang telah dijalankan oleh *The Conference Board Global Consumer Confidence* dengan kerjasama Nielsen (2017), capaian pengguna terhadap sumber maklumat semasa melalui portal berita dan sumber media baharu adalah melebihi 73 peratus dan sebanyak 19 peratus adalah golongan audiens yang komited dengan pembacaan harian bagi berita yang dipaparkan oleh portal berita. Hasil tinjauan itu turut membuktikan bahawa media baharu khasnya portal berita merupakan satu platform yang dikunjungi oleh golongan muda dan baharu.

Lumsden (2013) juga mengatakan bahawa portal berita yang memaparkan liputan tentang keadaan pilihan raya bergerak sebagai satu bentuk yang mencabar kedudukan media konvensional seperti akhbar khasnya bagi yang berhaluan arus perdana. Jelas Lumsden (2013) juga, portal berita yang bergerak seiring sebagai pelapor turut memainkan peranan yang serupa dengan media konvensional lain seperti memberi maklumat terkini bagi sesuatu isu kepada masyarakat, membuat hebahan peristiwa dan membentuk persepsi masyarakat terhadap masalah negara dan perihal politik semasa terutama sewaktu musim pilihan raya. Hal tersebut kerana, liputan berita yang dibuat

dalam portal berita juga mempunyai corak laporan yang sama dengan liputan berita dalam akhbar walaupun terdapat perbezaan dari segi kriteria portal berita itu sendiri. Lee *et. al* (2016) mengatakan portal berita lebih cenderung menjadi pilihan audiens kerana kriteria portal berita itu sendiri lebih mudah dan cepat dalam menyediakan maklumat tambahan yang diinginkan menerusi enjin pencarian seperti *Google*. Selain itu, portal berita juga mempunyai kriteria daya penarik berbanding akhbar kerana portal berita dipautkan dengan video kejadian selain berita-berita berkaitan yang ingin diketahui oleh audiens.

George (2007) terdahulu telah mengatakan kewujudan internet membawa kepada perkembangan liputan berita dalam talian. Sarjana ini menjelaskan bahawa portal berita yang berkembang kerana kemunculan dan perubahan teknologi komunikasi mulai penghujung 1990-an telah membawa kepada kewujudan portal berita di Malaysia, termasuk media cetak yang turut tidak ketinggalan, mewujudkan versi dalam talian bagi laporan berita mereka. Hal ini turut disokong oleh Giersdoft dan Croissant (2011) dengan mengatakan bahawa perkembangan liputan berita secara dalam talian membawa kepada pertambahan pilihan saluran yang boleh dibuat oleh audiens.

Seterusnya, pengkaji Barat Nowak dan Riedel (2010) yang juga telah meneliti liputan berita khusus tentang pilihan raya juga menjelaskan bahawa media memegang kunci kepada audiens dan pemerintah melalui laporan berita yang dibuat dan perincian khas dengan melibatkan aspek penonjolan dan pemaparan isu tertentu yang difokuskan sebagai sesuatu yang penting kepada penerimaan audiens. Hal ini menyokong kepada pernyataan dalam konsep pemingkaian yang dibuat oleh sarjana Vreese (2002) iaitu kandungan (bingkai berita) dan kesan pemingkaian adalah aspek fokus dalam kajian pemingkaian liputan berita.

Kajian pemingkaian dalam liputan berita telah banyak dijalankan oleh pengkaji-pengkaji khasnya dalam bidang komunikasi dan memberi banyak sumbangan kepada pembangunan penyelidikan komunikasi dan media massa. Kajian pemingkaian berita adalah meneliti kepada aspek bagaimana cara media membentuk pendapat umum atau



audiens dengan teknik tertentu dalam membingkaikan sesuatu isu dan acara (Vreese, 2002). Sarjana-sarjana lampau yang telah mengkaji aspek pumbingkaian telah menyimpulkan bahawa pumbingkaian adalah satu konsep yang melibatkan sumber maklumat dipersembahkan dan bagaimana wartawan mendefinisikan sesuatu isu kepada audiens (Vreese, 2002). Hal tersebut turut menyimpulkan bahawa pumbingkaian berita khususnya adalah satu bentuk momentum yang dijalankan dengan memfokuskan kepada mengkaji kandungan media dan mengkaji hubungan diantara media dengan pandangan umum atau audiens (Vreese, 2003). Maka jelas boleh dikatakan bahawa kebanyakan kajian lampau yang telah dijalankan pengkaji tentang pumbingkaian adalah memfokuskan kepada kandungan (bingkai dalam berita) dan kesan pumbingkaian.

Bagi memahami konsep pumbingkaian dan sejarah disebalik berdirinya konsep ini sebagai sebuah panduan dalam kajian pemberitaan, kebanyakan pengkaji-pengkaji lampau turut meneliti akar umbi konsep pumbingkaian, iaitu daripada asas Teori Penentuan Agenda. Yunfeng (2016) dalam tesisnya yang berjudul *The Agenda Setting of User Generated Content (UGC) in Selected Popular Social Media* mengatakan Teori Penentuan Agenda sebagai sebuah teori klasik yang diperkenal pada permulaan (tahap pertama) sebagai fokus isu yang dibawa kepada audiens dan berkembang kepada tahap kedua sebagai penonjolan tentang isu yang dinyatakan oleh media yang berfungsi untuk memberitahu audiens bagaimana untuk memikirkan dan menerima isu tersebut.

*"Penentuan agenda merupakan sebuah teori klasik dalam subjek komunikasi massa. Tahap pertama penentuan agenda adalah tentang penonjolan kepada apa yang ditetapkan untuk audiens; tahap kedua pula adalah tentang penonjolan kepada aspek bagaimana untuk audiens memikirkan sesuatu isu," (Yunfeng, 2016, halaman 15).*

Berdasarkan kepada pernyataan yang dibuat oleh Yunfeng di atas, beliau merumuskan bahawa konsep pumbingkaian adalah wujud pada tahap kedua teori itu, selepas teori itu berkembang. Teori Penentuan Agenda pada asasnya telah diperkenalkan oleh Shaw dan McCombs (1972). Menurut Weaver (2007), pumbingkaian

berada pada Teori Penentuan Agenda Tahap Kedua dan memfokuskan kepada kepentingan dalam menonjolkan isu. Rill dan Davis (2008) bersetuju dengan pernyataan Weaver dan mengatakan bahawa Teori Penentuan Agenda Tahap Kedua adalah pemingkaian yang menekankan kepada aspek isu yang difokuskan media sebagai isu yang penting dan mampu mempengaruhi audiens khususnya semasa membuat keputusan. Kedua-dua sarjana ini mengatakan bahawa pemingkaian yang dilakukan oleh media melalui isu-isu penting yang digambarkan adalah bergantung kepada kesesuaian faktor demografi dan penerimaan audiens di kawasan yang difokuskan. Misalnya, ketika musim kempen pilihan raya, kandungan media yang ditonjolkan sebagai isu penting adalah perlu menitik beratkan aspek pemingkaian yang mempunyai kaitan dengan norma audiens yang difokuskan itu.

Selain itu, McCombs *et.al* (1997) mengatakan bahawa bukan hanya kesan penentuan agenda dan pemingkaian yang mempunyai kaitan, tetapi pemingkaian adalah konsep yang berkembang daripada Teori Penentuan Agenda. Sarjana-sarjana ini mengatakan bahawa istilah Penentuan Agenda Tahap Kedua adalah dicipta bagi menjelaskan tentang kesan penonjolan karakteristik liputan media (bingkai berita) terhadap interpretasi audiens khusus pada berita. Rangkuman pandangan sarjana-sarjana ini telah membawa kepada takrifan konsep pemingkaian sebagai kesan daripada asas Penentuan Agenda Tahap Kedua, iaitu bagaimana membentuk sesuatu isu penting untuk difikirkan oleh audiens, dan isu penting tersebut adalah dibentuk dan disebut sebagai bingkai berita.

Syed Arabi Idid (2011) turut mengatakan bahawa konsep pemingkaian adalah konsep yang diperkenalkan dalam perspektif penentuan agenda untuk memberikan satu tafsiran baharu tentang kajian dalam bidang komunikasi khasnya untuk mengetahui pengaruh media melalui kaedah seseorang individu memproses maklumat. Dalam pernyataan ini, individu yang bertanggungjawab memproses maklumat berita yang dimaksudkan adalah wartawan dan sidang editorial dalam organisasi media. Wartawan dan sidang editorial dalam organisasi media mempunyai keupayaan untuk membentuk penceritaan dalam berita dan dibingkaikan mengikut apa yang hendak diketengahkan



sebagai isu utama dalam laporan berita kepada audiens. Selain itu, Syed Arabi Idid (2011) dalam penjelasan beliau juga mengatakan pemingkaian sebagai penentuan agenda tahap kedua kerana pemingkaian adalah pemilihan berita yang ditonjolkan melalui persembahan.

*"Dalam konsep penentuan agenda, pemingkaian ialah proses dimana pengamal media dan ahli politik membina dan mendefinisikan isu kepada audiens. Apabila pemingkaian diertikan sebagai memilih berita yang telah ditonjolkan melalui persembahan, fenomena ini dianggap sebagai tahap kedua dalam penentuan agenda" (Syed Arabi Idid, 2011, halaman 26).*

Selain itu, Entman (2008) mengatakan pemingkaian adalah proses pemilihan, menerima realiti dan menonjolkan perkara itu. Terdapat empat fungsi pemingkaian dijelaskan oleh Entman (2008) iaitu perbincangan masalah, penyebab masalah, penilaian moral dan penyelesaian. Menurut Chong dan Druckman (2007) pula, isu dapat dilihat dari pelbagai perspektif dan ditafsir dengan pelbagai nilai dan golongan yang terlibat dalam membina konsep khusus kepada isu-isu tersebut dengan cara yang memfokuskan sesuatu dan meremehkan sesuatu adalah melibatkan proses pemingkaian. Sarjana D'Angelo dan Kuypers (2010) dalam penelitian *Analisis Bingkai Berita: Perspektif Teoritik dan Empirik* turut menghuraikan perihal pemingkaian sebagai satu asas yang dijadikan panduan bagi kebanyakan kajian dalam bidang komunikasi massa.

*"Pelbagai kajian pemingkaian berita, khasnya dalam sub topik yang berkaitan dengan komunikasi politik dan komunikasi massa. Penelitian dalam bidang komunikasi massa oleh Jennings Bryant dan Dorina Miron (2004) telah membuktikan bahawa terdapat peningkatan dalam penemuan bingkai berita, dan ini menjadi penemuan yang membawa kepada pemingkaian sebagai aspek kajian yang paling banyak dijalankan oleh kebanyakan jurnal komunikasi massa sejak awal abad ke 21" (D'Angelo & Kuypers, 2010, halaman 1-2).*